

BN perlu fahamkan rakyat
Utusan Online
09 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 8 Mac – Pemimpin Barisan Nasional (BN) perlu lebih agresif dalam menyelami dan menjelaskan kepada rakyat mengenai langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam menyelesaikan masalah mereka.

Presiden Persatuan Alumni Pemimpin Mahasiswa Aspirasi Malaysia (Aspirasi), Mohd. Shahrul Abdullah berkata, memahami kehendak dan memahamkan rakyat adalah perkara penting yang perlu ditekankan pemimpin masyarakat kerana ia dapat menarik kepercayaan rakyat.

Katanya, melalui program Aman Kampus yang dilakukan, pihaknya mendapati kebanyakan pemimpin masyarakat gagal untuk mengambil tindakan segera dalam menyelesaikan masalah dihadapi rakyat.

“Kita faham bukan mudah untuk mengambil sesuatu jalan penyelesaian, jadi pemimpin harus turun dan memahamkan rakyat berkenaan dengan langkah yang bakal diambil kerana sekiranya rakyat keliru dengan tindakan kerajaan maka akan datang pihak tertentu untuk mengambil kesempatan,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dalam wawancara eksklusif bersama Mingguan Malaysia Ahad lalu yang beranggapan BN mempunyai kelebihan berbanding pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Mohd. Shahrul juga menegaskan pemimpin harus mendasari perjuangan mereka dengan keikhlasan dan bukan hanya mengejar serta mahu mempertahankan jawatan semata-mata.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm